

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HMT 228 – Sosiolinguistik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **Soalan No. 1 WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **TIGA** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A

1. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan petikan laras di dalam **Data 1** yang berikut:

Data 1
<p>Alkisah maka tersebutlah perkataan adinda Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar iaitu Raja Ahmad. Maka adalah pada ketika sakit balik dari Betawi (itu), maka ia pun bernazar jika sembah penyakitnya sudah wajib bertambah wajiblah ia pergi haj. Maka apabila sudah sembah penyakit (pulang pulih sediakala) maka ia pun bermohonlah kepada paduka kakanda Yang Dipertuan Muda serta paduka kekanda Engku Puteri. Maka jawab paduka kakanda (engku Puteri), "Baiklah engkau pergi/belayar ke tanah Jawa/mencari belanja-belanja dahulu." Dan paduka kakanda Yang Dipertuan Muda pun bertitah "baiklah bawa keci yang engkau beli itu apa gunanya diam sahaja." Maka jawab Raja Ahmad, "baiklah."</p> <p>keci = sejenis kapal berlayar empat persegi</p> <p>Sumber: Hooker (1991: 540).</p>

- [a] Kenal pasti dan huraikan aspek pengguna dan penggunaan yang membentuk laras di dalam **Data 1** di atas.

[15 markah]

- [b] Dengan menggunakan mana-mana bahagian daripada **Data 1**, huraikan maksud pernyataan laras berbeza dari segi bentuk, bukan dari segi makna.

[10 markah]

Bahagian B

2. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan **Data 2** yang memaparkan diglosia lelurus yang terdapat dalam komuniti bahasa Melayu di Malaysia.

Data 2		
H	H1 H2 <i>Superposed H</i> H4	Bahasa Melayu standard Bahasa Inggeris Bahasa Arab Variasi standard bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Kadazan, dan lain-lain
L	L1	Semua bahasa bukan bumiputera (kecuali H di atas), semua bahasa bumiputera (kecuali H di atas), dan semua bahasa kreol
	L2	Semua bahasa pijin

Sumber: Noriah Mohamed (2003: 104)

- [a] Huraikan maksud bahasa H dan bahasa L di dalam Data 2 di atas berdasarkan pandangan Fishman (1967).

[7 markah]

- [b] Bagaimanakah anda menghuraikan perkaitan antara bahasa H dengan L di dalam Data 2 di atas menerusi sembilan kriteria diglosia yang disarankan oleh Ferguson (1959)?

[18 markah]

3. Di Malaysia, penutur dialek Mandarin dan Kantonis tidak boleh berkomunikasi antara satu sama lain. Di Nigeria, penutur bahasa Isoko tidak dapat memahami bahasa Urhobo, tetapi sebaliknya pula penutur bahasa Urhobo boleh memahami bahasa Isoko. Berdasarkan dua pernyataan ini dan situasi lain yang berkaitan, apakah yang dapat anda katakan mengenai penggunaan kriteria kefahaman menyaling dalam menentukan status sesebuah sistem pertuturan? Kemukakan juga faktor-faktor lain yang dapat menentukan status sesebuah sistem pertuturan.

[25 markah]

4. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu, bincangkan perkara-perkara berikut:-

- [a] Dialek geografi.

[13 markah]

- [b] Hipotesis Sapir-Whorf (1956) berkaitan dengan hubungan antara bahasa dengan budaya.

[12 markah]

5. Menurut Nik Safiah Karim (1988) kajian sosiolinguistik meliputi semua aspek bahasa dalam hubungannya dengan masyarakat. Kemukakan empat [4] kajian yang memperlihatkan dengan jelas hubungan bahasa dengan masyarakat sebagaimana yang dimaksudkan.

[25 markah]